# UNDANG UNDANG NEGERI PERAK

## ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1992

# KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (PERAK) 2003

PERAK

NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 56
Bil. 24

**20hb November 2003**

*TAMBAHAN No. 9*
*PERUNDANGAN*

**Pk. P.U. 17.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1992

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (PERAK) 2003

## SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

**BAHAGIAN I**

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

PENUBUHAN JAWATANKUASA PENERIMAAN PEGUAM SYARIE

3. Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie
4. Keanggotaan
5. Penamatan pelantikan dan peletakan jawatan

Kaedah

6. Mesyuarat Jawatankuasa
7. Fungsi Jawatankuasa
8. Saraan dan elaun

BAHAGIAN III

PEGUAM SYARIE

9. Penerimaan Peguam Syarie
10. Permohonan
11. Bantahan
12. Temu duga atau peperiksaan bertulis
13. Pemohon, dll. hendaklah dimaklumkan mengenai keputusan Majlis
14. Pengisytiharan oleh Mahkamah Tinggi Syariah
15. Sijil Amalan Guaman Syarie
16. Pembaharuan Sijil Amalan Guaman Syarie
17. Pengecualian
18. Daftar Peguam Syarie

BAHAGIAN IV

KELAKUAN PEGUAM SYARIE

19. Jawatankuasa untuk mengawal selia, mengawal dan mengawasi
20. Aduan terhadap seseorang Peguam Syarie
21. Prosedur tatatertib

Kaedah

22. Jawatankuasa Penyiasatan

23. Tatacara yang hendaklah diikuti oleh Jawatankuasa Penyiasatan

24. Keputusan hendaklah dimaklumkan

BAHAGIAN V

JAWATANKUASA RAYUAN PEGUAM SYARIE

25. Jawatankuasa Rayuan Peguam Syarie

26. Rayuan

27. Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan

28. Pengundian dalam mesyuarat Jawatankuasa Rayuan

29. Keputusan Jawatankuasa Rayuan

30. Permohonan untuk dimasukkan semula sebagai Peguam Syarie

31. Peguam Syarie boleh memohon supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN AM

32. Mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie

33. Sekatan

34. Pembatalan dan kecualian

JADUAL

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1992

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (PERAK) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 59(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 *[Bil. 2 Tahun 1992]*, Majlis dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Perak) 2003.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta.*

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"bulan" mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 *[Akta 388]*;

"Daftar" ertinya Daftar Peguam Syarie yang disebut dalam kaedah 18;

"Enakmen" ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992;

"Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie yang ditubuhkan di bawah kaedah 3;

"Jawatankuasa Rayuan" ertinya Jawatankuasa Rayuan Peguam Syarie yang dilantik di bawah kaedah 25;

"Ketua Hakim Syarie" ertinya Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah subseksyen 41(1) Enakmen;

"Ketua Pendaftar" ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah subseksyen 43 (1) Enakmen;

"Ketua Pendakwa Syarie" ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 57(1) Enakmen;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Enakmen;

"Majlis" ertinya Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

"peguam bela dan peguam cara" mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Profesion Undang-Undang 1976 *[Akta 166]*;

"Peguam Syarie" ertinya seseorang yang diterima sebagai Peguam Syarie di bawah kaedah 13;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie;

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak;

"Setiausaha Jawatankuasa" ertinya Setiausaha Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie;

"Sijil Amalan Guaman Syarie" ertinya sijil yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa di bawah subkaedah 15(2);

"temu duga atau peperiksaan bertulis" ertinya temu duga atau peperiksaan bertulis yang dijalankan oleh Jawatankuasa di bawah kaedah 12.

## BAHAGIAN II

## PENUBUHAN JAWATANKUASA PENERIMAAN PEGUAM SYARIE

### Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie

3. Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dipanggil "Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie" yang hendaklah menguruskan semua perkara berhubung dengan penerimaan sebagai seorang Peguam Syarie dan untuk mengawal selia, mengawal dan mengawasi kelakuan Peguam Syarie di Negeri Perak Darul Ridzuan.

### Keanggotaan

4. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada—

(*a*) Ketua Hakim Syarie yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(*b*) Mufti atau wakilnya;

(*c*) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;

(*d*) Ketua Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Perak; dan

(*e*) seorang Peguam Syarie atas syor Ketua Hakim Syarie.

(2) Ketua Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

### Penamatan pelantikan dan peletakan jawatan

5. (1) Anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(*e*) hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua tahun dan layak dilantik semula.

(2) Pelantikan anggota Jawatankuasa di bawah perenggan 4(1)(*e*) boleh pada bila-bila masa ditamatkan oleh Majlis atas syor Pengerusi atas apa-apa alasan yang munasabah, dan anggota itu boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis bertulis yang dialamatkan kepada Majlis dengan satu salinannya kepada Setiausaha Jawatankuasa.

**Mesyuarat Jawatankuasa**

6. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa dan jika Pengerusi tidak hadir, anggota yang hadir bolehlah memilih seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(2) Tiga orang anggota yang hadir hendaklah membentuk kuorum sesuatu mesyuarat.

(3) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara undi majoriti anggota yang hadir.

(4) Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus jika terdapat persamaan bilangan undi.

(5) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa arahan oleh Majlis, Jawatankuasa boleh menetapkan prosedurnya sendiri.

**Fungsi Jawatankuasa**

7. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut, iaitu—

(*a*) menjalankan apa-apa temu duga atau peperiksaan bertulis bagi mana-mana pemohon yang memohon untuk diterima sebagai Peguam Syarie sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa dan untuk mengadakan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan temu duga atau peperiksaan bertulis itu, termasuklah—

(i) menetapkan tarikh dan tempat temu duga atau peperiksaan bertulis;

(ii) menyediakan soalan-soalan untuk temu duga atau peperiksaan bertulis;

(iii) menimbang dan menilai jawapan dalam temu duga dan memeriksa jawapan peperiksaan bertulis;

(*b*) memperakukan kepada Majlis pemohon yang berjaya dalam temu duga atau peperiksaan bertulis;

(*c*) menjalankan tindakan tatatertib terhadap seseorang Peguam Syarie mengenai kelakuannya atas sifat profesional atau peribadinya;

(*d*) mengeluarkan Sijil Amalan Guaman Syarie; dan

(*e*) menjalankan apa-apa arahan Majlis yang tidak bertentangan dengan Kaedah-Kaedah ini.

**Saraan dan elaun**

8. Anggota-anggota Jawatankuasa dan Setiausaha Jawatankuasa hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun yang ditetapkan oleh Majlis.

BAHAGIAN III

PEGUAM SYARIE

**Penerimaan Peguam Syarie**

9. Seseorang warganegara Malaysia yang beragama Islam boleh diterima sebagai Peguam Syarie jika dia—

*(a)* (i) telah mencapai umur dua puluh satu tahun;

(ii) berkelakuan baik dan tidak disabitkan oleh mana-mana Mahkamah yang wibawa di Malaysia atau di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

(iii) bukan seorang bankrap; dan

(iv) telah lulus temu duga atau peperiksaan bertulis atau kedua-duanya, mengikut kehendak keadaan; dan

*(b)* memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah atau yang setaraf dengannya daripada mana-mana Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan—

(i) Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; atau

(ii) Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam daripada Universiti Kebangsaan Malaysia; atau

(iii) mana-mana Diploma yang setaraf dengan Diploma yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii) daripada mana-mana Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau

*(c)* merupakan seorang peguam bela dan peguam cara yang didaftarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 dan memiliki Diploma Undang-Undang Syariah dan Amalan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atau yang setaraf dengannya daripada mana-mana Universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau

*(d)* ialah seorang Pegawai Undang-Undang Kerajaan yang masih berkhidmat dengan Kerajaan; atau

*(e)* telah dilantik sebagai Peguam Syarie oleh mana-mana pihak berkuasa agama Negeri di Malaysia; atau

*(f)* ialah seorang Pegawai Undang-Undang Syariah atau Pembantu Undang-Undang di Biro Bantuan Guaman Negeri Perak; atau

*(g)* telah berkhidmat sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam dengan Kerajaan Negeri Perak selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun; atau

*(h)* telah meletakkan jawatannya atau bersara pilihan atau bersara wajib dan telah sebelum itu berkhidmat selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun sebagai Pegawai Syariah atau Pegawai Hal Ehwal Islam dengan Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia.

**Permohonan**

10. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk diterima sebagai Peguam Syarie hendaklah membuat permohonan dengan menggunakan Borang A dalam Jadual.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Jawatankuasa dengan melampirkan salinan dokumen-dokumen yang perlu dan hendaklah disertakan dengan fi permohonan sebanyak sepuluh ringgit.

(3) Pemohon hendaklah menyebabkan ditampalkan suatu salinan permohonannya di tiap-tiap Mahkamah di Negeri Perak selama tempoh satu bulan selepas permohonannya dihantarserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa.

**Bantahan**

11. (1) Sesuatu permohonan untuk diterima sebagai Peguam Syarie boleh dibantah oleh mana-mana orang melalui Setiausaha Jawatankuasa.

(2) Sesuatu bantahan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha Jawatankuasa berserta alasan-alasan bantahan itu dan Setiausaha Jawatankuasa hendaklah mengemukakan bantahan tersebut kepada Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa boleh, jika didapati bantahan tersebut munasabah, meminta melalui surat berdaftar penjelasan atau jawapan bertulis daripada pemohon.

(4) Pemohon hendaklah memberikan penjelasan atau jawapan bertulis kepada Jawatankuasa dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan surat tersebut.

(5) Jawatankuasa boleh menolak permohonan oleh pemohon jika tiada penjelasan atau jawapan bertulis diterima daripadanya atau jika penjelasan atau jawapan bertulis diterima, Jawatankuasa tidak berpuas hati dengan penjelasan atau jawapan bertulis itu, dan pemohon hendaklah dimaklumkan tentang keputusan Jawatankuasa melalui pos berdaftar.

**Temu duga atau pemeriksaan bertulis**

12. (1) Jika sesuatu permohonan yang diterima di bawah kaedah 10 tidak dibantah atau jika ada bantahan dibuat menurut kaedah 11 tetapi Jawatankuasa berpuas hati dengan penjelasan atau jawapan bertulis oleh pemohon, Jawatankuasa hendaklah memanggil pemohon untuk menghadiri temu duga atau menduduki pemeriksaan bertulis atau kedua-duanya.

(2) Pemohon hendaklah hadir temu duga atau menduduki pemeriksaan bertulis atau kedua-duanya pada tarikh dan di tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa boleh menolak permohonan seseorang pemohon yang tidak hadir temu duga atau menduduki pemeriksaan bertulis atau kedua-duanya pada tarikh dan di tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa tanpa alasan yang munasabah.

(4) Jawatankuasa boleh mengubah tarikh atau tempat temu duga atau peperiksaan bertulis atas permintaan pemohon jika alasan yang munasabah diberikan olehnya.

(5) Setelah temu duga atau peperiksaan bertulis diadakan, Jawatankuasa hendaklah memperakukan kepada Majlis mengenai pemohon yang berjaya dan yang boleh dipertimbangkan untuk diterima sebagai Peguam Syarie.

(6) Majlis hendaklah membuat keputusan tentang penerimaan mana-mana pemohon yang diperakukan sedemikian di bawah subkaedah (5) sebagai Peguam Syarie.

(7) Keputusan Majlis hendaklah diberitahukan kepada Pengerusi.

**Pemohon, dll. hendaklah dimaklumkan mengenai keputusan Majlis**

13. (1) Jawatankuasa hendaklah memaklumkan pemohon dan semua Mahkamah di Negeri Perak mengenai keputusan Majlis di bawah subkaedah 12 (6) dalam tempoh empat belas hari selepas keputusan itu dibuat.

(2) Majlis hendaklah mengeluarkan kepada pemohon yang diterima sebagai Peguam Syarie suatu Sijil Peguam Syarie seperti dalam Borang B dalam Jadual selepas pemohon itu mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan kepada Jawatankuasa yang berikut—

(*a*) nama yang di bawahnya dia bercadang untuk menjalankan amalan atau nama firma;

(*b*) alamat surat menyurat; dan

(*c*) fi pendaftaran sebanyak tiga ratus ringgit.

**Pengisytiharan oleh Mahkamah Tinggi Syariah**

14. (1) Seseorang Peguam Syarie yang kepadanya telah dikeluarkan suatu Sijil Peguam Syarie hendaklah memohon kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah suatu perisytiharan tentang penerimaannya sebagai Peguam Syarie.

(2) Pengisytiharan itu hendaklah dilakukan oleh Hakim itu di Mahkamah terbuka.

**Sijil Amalan Guaman Syarie**

15. (1) Seseorang Peguam Syarie yang telah diisytiharkan penerimaannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah, sebelum dia hadir dan mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah, memohon untuk mendapatkan Sijil Amalan Guaman Syarie.

(2) Jawatankuasa hendaklah mengeluarkan Sijil Amalan Guaman Syarie mengikut Borang C dalam Jadual kepada seseorang Peguam Syarie apabila dibayar fi sebanyak satu ratus ringgit.

(3) Sijil Amalan Guaman Syarie yang dikeluarkan di bawah subkaedah (2) hendaklah sah bagi tempoh dua belas bulan dan boleh dibaharui apabila dibayar fi yang ditetapkan dalam kaedah 16.

**Pembaharuan Sijil Amalan Guaman Syarie**

16. (1) Tiap-tiap permohonan bagi pembaharuan Sijil Amalan Guaman Syarie hendaklah dibuat kepada Jawatankuasa tidak lewat daripada satu bulan sebelum habis tempoh Sijil itu.

(2) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang D dalam Jadual dan dikemukakan kepada Jawatankuasa.

(3) Fi bagi pembaharuan setiap Sijil Amalan Guaman Syarie adalah seperti yang berikut:

(a) jika permohonan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dalam subkaedah (1), finya ialah satu ratus ringgit;

(b) jika permohonan dibuat selepas tempoh yang ditetapkan oleh subkaedah (1) tetapi sebelum tarikh habis tempoh Sijil itu, finya ialah satu ratus lima puluh ringgit;

(c) jika permohonan dibuat selepas tarikh habis tempoh Sijil itu, finya ialah dua ratus ringgit.

**Pengecualian**

17. Penasihat Undang-Undang dan tiap-tiap Peguam Persekutuan di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak atau mana-mana Pegawai Undang-Undang, Pegawai Undang-Undang Syariah atau Pembantu Undang-Undang di Biro Bantuan Guaman Negeri Perak hendaklah disifatkan telah dilantik sebagai Peguam Syarie oleh Majlis di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peruntukan kaedah 10, 12, 14, 15 dan 16 tidak terpakai bagi Pegawai-Pegawai itu dan Pegawai-Pegawai itu boleh, jika tugas rasmi memerlukan, mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana Mahkamah.

**Daftar Peguam Syarie**

18. (1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyenggarakan suatu Daftar Peguam Syarie yang hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

(a) nama Peguam Syarie;

(b) nombor kad pengenalan;

(c) nama yang di bawahnya dia menjalankan amalan atau nama firma;

(d) alamat surat-menyuratnya;

(e) tarikh penerimaan sebagai Peguam Syarie;

(f) tarikh perisytiharan oleh Mahkamah Tinggi Syariah;

(g) tarikh Sijil Amalan Guaman Syarie dikeluarkan dan tarikh pembaharuannya, jika ada;

(h) apa-apa tindakan yang telah diambil oleh Jawatankuasa; dan

(i) apa-apa maklumat yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa.

(2) Jika terdapat apa-apa perubahan mengenai butir-butir Peguam Syarie sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah (1), maka Peguam Syarie itu hendaklah, dalam tempoh empat belas hari kemudiannya, memberitahu Setiausaha Jawatankuasa dan perubahan itu hendaklah dicatatkan dalam Daftar.

(3) Mana-mana orang boleh memeriksa Daftar dalam waktu pejabat tanpa apa-apa bayaran.

## Bahagian IV

## KELAKUAN PEGUAM SYARIE

**Jawatankuasa untuk mengawal selia, mengawal dan mengawasi**

19. (1) Jawatankuasa hendaklah mengawal selia, mengawal dan mengawasi kelakuan seseorang Peguam Syarie.

(2) Jawatankuasa boleh atas aduan, mengambil tindakan tatatertib terhadap seseorang Peguam Syarie dan dia boleh, apabila sebab yang wajar ditunjukkan—

*(a)* dikeluarkan daripada Daftar;

*(b)* digantung daripada menjalankan amalan selama tempoh tidak melebihi lima tahun; atau

*(c)* dicela.

(3) Sebab yang wajar itu boleh ditunjukkan dengan bukti bahawa seseorang Peguam Syarie itu—

*(a)* telah berkelakuan mengikut apa-apa cara yang bertentangan dengan Hukum Syara';

*(b)* telah membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis yang semunasabahnya boleh ditafsirkan sebagai menghina agama Islam atau Majlis;

*(c)* telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah yang wibawa di Malaysia atau di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

*(d)* telah dengan sengaja atau tanpa apa-apa sebab yang munasabah enggan menjalankan kewajipannya terhadap kliennya;

*(e)* telah melanggar tanggungjawabnya kepada Mahkamah termasuk apa-apa kegagalannya untuk mematuhi aku janji yang diberikannya kepada Mahkamah;

(*f*) telah melakukan dengan perbuatan atau perkataan atau dengan apa-apa cara yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menghina Mahkamah;

(*g*) mengenakan fi atau kos yang melampau mengikut semua hal keadaan, dalam ketiadaan apa-apa persetujuan bertulis, berhubung dengan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada kliennya;

(*h*) tidak jujur atau bertingkah laku secara fraud dalam melaksanakan tugasnya;

(*i*) telah menawarkan atau memberikan atau bersetuju memberikan suapan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain untuk mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau bagi mana-mana Peguam Syarie lain dalam apa-apa urusan perundangan;

(*j*) telah secara langsung atau tak langsung mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya sendiri atau mana-mana Peguam Syarie lain melalui atau dengan arahan mana-mana orang yang kepadanya apa-apa suapan bagi mendapatkan pekerjaan itu telah diberikan olehnya atau dipersetujui atau dijanjikan untuk diberikan sedemikian;

(*k*) telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui seseorang penarik langganan;

(*l*) membenarkan mana-mana orang yang bukan seorang Peguam Syarie mengusahakan atau menjalankan urusan perundangan atas namanya atau firmanya tanpa orang itu berada di bawah kawalannya;

(*m*) menjalankan dengan sendiri atau melalui mana-mana orang yang bekerja dengannya apa-apa tred, perniagaan atau kerjaya yang pada pendapat Jawatankuasa adalah tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai Peguam Syarie;

(*n*) telah didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin yang ditubuhkan di bawah subseksyen 93(1) Akta Profesion Undang-Undang 1976;

(*o*) telah diisytiharkan sebagai bankrap dan belum dilepaskan; atau

(*p*) telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, jika pada pendapat Jawatankuasa pelanggaran atau ketakpatuhan itu memerlukan tindakan tatatertib.

(4) Dalam apa-apa prosiding di bawah kaedah ini Jawatankuasa boleh, sebagai tambahan kepada fakta-fakta kes itu, mengambil kira kelakuan dan watak orang yang berkenaan pada masa yang lalu untuk menentukan apakah perintah yang patut dibuat.

**Aduan terhadap seseorang Peguam Syarie**

20. (1) Apa-apa aduan mengenai kelakuan seseorang Peguam Syarie atas sifat profesional atau peribadinya hendaklah dibuat secara bertulis kepada Setiausaha.

(2) Mahkamah atau Ketua Pendakwa Syarie boleh membuat aduan secara bertulis kepada Setiausaha berkenaan dengan apa-apa perkara yang menyentuh kelakuan seseorang Peguam Syarie atas sifat profesionalnya.

(3) Apabila menerima aduan di bawah subkaedah (1) atau (2) Setiausaha boleh, pada bila-bila masa, mendapatkan secara bertulis apa-apa maklumat daripada mana-mana orang yang difikirkannya mengetahui tentang fakta kes itu yang menyentuh kelakuan seseorang Peguam Syarie atas sifat profesional atau peribadinya.

(4) Setiausaha hendaklah mengemukakan aduan itu kepada Majlis dan Jawatankuasa dengan seberapa segera yang praktik berserta dengan apa-apa maklumat yang diperolehnya di bawah subkaedah (3), jika ada.

**Prosedur Tatatertib**

21. (1) Jika didapati oleh Jawatankuasa setelah menimbangkan aduan yang dibuat dengan mengambil kira maklumat yang dikemukakan di bawah subkaedah 20(4), jika ada, bahawa aduan terhadap seseorang Peguam Syarie adalah tidak bermerit, maka Jawatankuasa hendaklah menolak aduan itu.

(2) Jika didapati oleh Jawatankuasa setelah menimbangkan aduan yang dibuat dengan mengambil kira maklumat yang dikemukakan di bawah subkaedah 20(4), jika ada, bahawa wujud satu kes *prima facie* terhadap Peguam Syarie yang berkenaan, Jawatankuasa hendaklah—

*(a)* mengarahkan supaya suatu pertuduhan yang mengandungi fakta kelakuan yang diadukan dan alasan-alasan yang Peguam Syarie berkenaan dicadangkan dikeluarkan daripada Daftar atau digantung daripada menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau dicela, dihantar kepada Peguam Syarie itu; dan

*(b)* memanggil Peguam Syarie itu untuk membuat, dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh dia menerima pertuduhan itu, suatu representasi bertulis yang mengandungi alasan-alasan yang padanya dia bergantung untuk melepaskan dirinya.

(3) Jika, setelah menimbangkan representasi bertulis yang dibuat menurut perenggan 2 *(b)* berserta segala maklumat lain, jika ada, Jawatankuasa mendapati bahawa Peguam Syarie itu tidak bersalah, Jawatankuasa hendaklah membebaskannya.

(4) Jika Peguam Syarie berkenaan tidak membuat apa-apa representasi bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2)*(b)* atau jika Peguam Syarie itu telah membuat representasi bertulis sedemikian tetapi representasi bertulis itu tidak dapat membersihkan dirinya sehingga memuaskan hati Jawatankuasa dan Jawatankuasa mendapati bahawa Peguam Syarie itu bersalah, Jawatankuasa hendaklah membuat keputusan tentang pengeluaran daripada Daftar, penggantungan daripada menjalankan amalan atau pencelaan Peguam Syarie itu.

(5) Jika Jawatankuasa berpendapat bahawa kes terhadap Peguam Syarie itu menghendaki penjelasan lanjut, Jawatankuasa boleh menubuhkan suatu Jawatankuasa Penyiasatan bagi maksud mendapatkan penjelasan lanjut sedemikian.

**Jawatankuasa Penyiasatan**

22. Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua anggota yang dinamakan oleh Jawatankuasa.

**Tatacara yang hendaklah diikuti oleh Jawatankuasa Penyiasatan**

23. (1) Jawatankuasa Penyiasatan—

(*a*) hendaklah memberitahu Peguam Syarie yang disiasat itu tarikh persoalan mengenai kesnya akan dibawa di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan; dan

(*b*) boleh memanggil dan memeriksa mana-mana saksi atau mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau patut untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai kes itu.

(2) Jika Jawatankuasa Penyiasatan berpandangan bahawa Peguam Syarie itu patut dibenarkan hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan untuk membersihkan dirinya, Peguam Syarie itu hendaklah menghadirkan dirinya di hadapan Jawatankuasa itu bagi maksud itu.

(3) Jika saksi-saksi telah dipanggil dan diperiksa oleh Jawatankuasa Penyiasatan, Peguam Syarie itu hendaklah diberi peluang untuk hadir dan untuk menyoal balas saksi-saksi bagi pihak dirinya.

(4) Tiada keterangan dokumentar boleh digunakan terhadap seseorang Peguam Syarie melainkan jika dia telah sebelum itu dibekali dengan satu salinan keterangan itu atau telah diberikan akses kepada keterangan itu.

(5) Setelah tamat penyiasatannya, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah mengemukakan laporan tentang penyiasatan itu kepada Jawatankuasa.

(6) Jika setelah menimbangkan laporan Jawatankuasa Penyiasatan dan representasi Peguam Syarie Jawatankuasa mendapati—

(*a*) bahawa Peguam Syarie itu tidak bersalah, maka Jawatankuasa hendaklah membebaskannya;

(*b*) bahawa Peguam Syarie itu bersalah maka Jawatankuasa hendaklah membuat keputusan tentang pengeluaran daripada Daftar, penggantungan daripada menjalankan amalan atau pencelaan Peguam Syarie itu.

**Keputusan hendaklah dimaklumkan**

24. (1) Jawatankuasa hendaklah memaklumkan keputusannya yang dibuat di bawah kaedah 21 dan 23, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada Peguam Syarie itu, Ketua Pendaftar, Ketua Pendakwa Syarie dan Setiausaha melalui pos berdaftar.

(2) Pengerusi hendaklah menandatangani setiap keputusan Jawatankuasa yang dibuat dibawah kaedah 21 atau 23.

(3) Pengerusi hendaklah memastikan bahawa setiap prosiding dicatatkan dan rekod prosiding disimpan dengan sempurna.

## BAHAGIAN V

## JAWATANKUASA RAYUAN PEGUAM SYARIE

### Jawatankuasa Rayuan Peguam Syarie

25. (1) Majlis hendaklah melantik suatu Jawatankuasa yang dipanggil "Jawatankuasa Rayuan Peguam Syarie" bagi mendengar apa-apa rayuan terhadap sesuatu keputusan Jawatankuasa yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Jawatankuasa Rayuan hendaklah terdiri daripada tiga anggota yang dilantik oleh Majlis dari kalangan anggotanya yang bukan anggota Jawatankuasa.

(3) Majlis hendaklah melantik seorang Pengerusi dari kalangan anggota Jawatankuasa Rayuan.

### Rayuan

26. (1) Mana-mana Peguam Syarie yang terkilan dengan mana-mana keputusan Jawatankuasa yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini terhadapnya boleh merayu secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan melalui Setiausaha dalam tempoh empat belas hari dari tarikh dia dimaklumkan tentang keputusan itu.

(2) Setiausaha hendaklah, tidak lewat daripada empat belas hari dari tarikh dia menerima rayuan itu, mengemukakan rayuan itu kepada Jawatankuasa.

(3) Pengerusi hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pengemukaan rayuan itu oleh Setiausaha, menyebabkan satu salinan rekod prosiding yang berkaitan berserta dengan alasan keputusan Jawatankuasa dihantar kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa Rayuan.

(4) Pengerusi Jawatankuasa Rayuan boleh melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (1), (2) atau (3) atas permohonan pihak yang terlibat dan apabila sebab-sebab yang mencukupi diberikan.

### Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan

27. (1) Bagi maksud melaksanakan fungsinya, Jawatankuasa Rayuan hendaklah bermesyuarat pada tarikh dan di tempat dan pada masa yang ditetapkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Rayuan.

(2) Setiap mesyuarat Jawatankuasa Rayuan hendaklah dihadiri oleh semua anggotanya.

(3) Jawatankuasa Rayuan hendaklah memutuskan tiap-tiap rayuan semata-mata berdasarkan merit alasan rayuan itu tanpa menerima apa-apa pernyataan lanjut atau keterangan tambahan.

(4) Walau apa pun subkaedah (3), Jawatankuasa Rayuan boleh, jika difikirkannya adil dan perlu, dan tertakluk kepada hak Peguam Syarie berkenaan untuk didengar, meminta apa-apa pernyataan lanjut atau keterangan tambahan daripada mana-mana orang lain.

**Pengundian dalam mesyuarat Jawatankuasa Rayuan**

28. Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Rayuan hendaklah diputuskan melalui undi majoriti, dan jika terdapat persamaan bilangan undi, maka Pengerusi Jawatankuasa Rayuan hendaklah mempunyai undi pemutus.

**Keputusan Jawatankuasa Rayuan**

29. (1) Jawatankuasa Rayuan boleh—

(*a*) mengesahkan keputusan Jawatankuasa;

(*b*) mengesahkan keputusan Jawatankuasa berhubung dengan kelakuan Peguam Syarie itu tetapi mengubah hukuman kepada suatu hukuman yang lebih ringan; atau

(*c*) mengakaskan keputusan dan hukuman Jawatankuasa dan membebaskan Peguam Syarie itu daripada pertuduhan terhadapnya.

(2) Jawatankuasa Rayuan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas membuat keputusannya di bawah subkaedah (1), memaklumkan keputusan rayuan itu kepada Jawatankuasa, Peguam Syarie itu, Ketua Pendaftar, Ketua Pendakwa Syarie dan Setiausaha melalui pos berdaftar.

(3) Keputusan Jawatankuasa Rayuan adalah muktamad.

**Permohonan untuk dimasukkan semula sebagai Peguam Syarie**

30. (1) Seseorang yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar boleh, selepas tempoh lima tahun dari tarikh namanya dikeluarkan, memohon untuk dimasukkan semula sebagai Peguam Syarie.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat mengikut cara yang sama yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini bagi seseorang yang berhasrat untuk diterima sebagai Peguam Syarie, tetapi bagi permohonan yang dibuat di bawah kaedah ini, permohonan itu hendaklah disokong dengan afidavit yang menerangkan mengapa permohonan ingin dimasukkan semula sebagai Peguam Syarie.

(3) Fi bagi setiap Sijil Peguam Syarie yang dikeluarkan di bawah kaedah ini ialah lima ratus ringgit.

**Peguam Syarie boleh memohon supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar**

31. (1) Mana-mana Peguam Syarie boleh, tertakluk kepada kaedah ini, memohon kepada Jawatankuasa supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah disokong dengan suatu afidavit yang hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa tidak kurang daripada dua bulan sebelum permohonan itu didengar.

(3) Jawatankuasa boleh, jika difikirkannya perlu, menghendaki Peguam Syarie itu menyiarkan suatu notis permohonannya supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar mengikut apa-apa cara atau bentuk yang diarahkan oleh Jawatankuasa.

## BAHAGIAN VI

## PERUNTUKAN AM

**Mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie**

32. Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie jika dikehendaki oleh mana-mana Mahkamah.

**Sekatan**

33. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie melainkan jika dia telah diterima sebagai Peguam Syarie mengikut Kaedah-Kaedah ini dan dia mempunyai Sijil Amalan Guaman Syarie yang sah.

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie jika suatu perintah di bawah perenggan 19 (2) *(a)* atau *(b)* masih berkuat kuasa.

(3) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menjalankan amalan atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie jika Sijil Amalan Guaman Syarienya telah habis tempoh.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subkaedah (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Pembatalan dan kecualian**

34. Kaedah-Kaedah Peguam Syariah 1980 *[Pk.P.U.28/1980]* dibatalkan, dengan syarat bahawa seseorang yang kepadanya telah dikeluarkan lesen sebagai Peguam Syariah di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan itu hendaklah disifatkan sebagai telah diterima sebagai Peguam Syarie di bawah Kaedah-Kaedah ini.

JADUAL

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1992

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (PERAK) 2003

BORANG A

[Subkaedah 10(1)]

PERMOHONAN UNTUK DITERIMA SEBAGAI PEGUAM SYARIE

Kepada,

Setiausaha Jawatankuasa,
Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie
Negeri Perak Darul Ridzuan.

Dengan hormatnya saya memohon diterima sebagai seorang Peguam Syarie dan butir-butir diri saya adalah seperti yang berikut:

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dengan Huruf Besar)

1. Nama :
2. Nama-nama lain (jika ada) :
3. Nombor Kad Pengenalan :
4. Jantina :
5. Tarikh Lahir :
6. Tempat Lahir :
7. Status Perkahwinan :
8. Kewarganegaraan :
9. Ras :
10. Agama :
11. Nama dan Alamat Firma :
(sekiranya pemohon seorang peguam bela dan peguam cara)

12. Alamat Surat-menyurat :

13. Nombor Telefon : *(a)* ............................... (P)

*(b)* ............................... (R)

*(c)* ............................... (H/P)

14. Alamat Kediaman :

15. Kelayakan :

16. Pengalaman :

17. Butiran lain (jika ada) :

Saya dengan ini mengaku bahawa saya tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah dan saya bukan seorang bankrap.

Saya mengaku bahawa segala butiran yang tersebut di atas adalah benar.

Bertarikh : ..........................

.........................................................
*Tandatangan Pemohon*

PERINGATAN :

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan-salinan sijil, testimonial, perakuan-perakuan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang diperakui sah untuk menyokong permohonannya.

**BORANG B**

[Subkaedah 13(2)]

SIJIL PEGUAM SYARIE

BAHAWASANYA dengan ini diperakukan bahawa ...................................... Kad Pengenalan No: ........................ No. Siri Daftar ............................. telah diterima sebagai Peguam Syarie di bawah Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Perak) 2003 pada ......................... haribulan ............. 20 ..................

METERAI

Tarikh dikeluarkan $\frac{H}{M}$ ....................

........................................

*Yang Dipertua*
*Majlis Agama Islam dan*
*'Adat Melayu Perak*

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1992**

Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Perak) 2003

**BORANG C**

[Subkaedah 15(2)]

SIJIL AMALAN GUAMAN SYARIE

JAWATANKUASA PENERIMAAN PEGUAM SYARIE NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN dengan ini memperakuikan bahawa:

Nama ........................................................

No. Kad Pengenalan ....................................

No. Siri Daftar ............................................

adalah bebas menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie dalam Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan mulai dari ............... haribulan ..................... 20 ............. hingga ............... haribulan ..................... 20 ..........

METERAI

Tarikh dikeluarkan $\frac{H}{M}$.................

.........................................................

*Pengerusi*
*untuk dan bagi pihak*
*Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie*
*Negeri Perak Darul Ridzuan*

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1992**

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (PERAK) 2003

**BORANG D**

[Subkaedah 16(2)]

PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL AMALAN GUAMAN SYARIE

Pengerusi
Jawatankuasa Penerimaan Peguam Syarie
Negeri Perak Darul Ridzuan

Dengan hormatnya saya memohon bagi pembaharuan Sijil Amalan Guaman Syarie bagi tempoh dua belas bulan mulai dari.................................. hingga.....................dan butiran diri saya adalah seperti yang berikut:

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dengan Huruf Besar)

1. Nama :
2. No. Kad Pengenalan :
3. No. Siri Daftar :
4. No. Sijil Peguam Syarie :
5. Tarikh Tamat Sijil
6. No. Sijil Amalan Guaman Syarie :
7. No. Faks :
8. E-mel :
9. Nama dan Alamat Firma :
   (sekiranya pemohon seorang peguam bela dan peguam cara)
10. Alamat Surat-menyurat :
11. Nombor Telefon : (a) .................................. (P)
    (b) .................................. (R)
    (c) .................................. (H/P)
12. Alamat Kediaman :
13. Butiran lain (jika ada) :

Saya dengan ini mengaku bahawa saya tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah dan saya bukan seorang bankrap.

Saya mengaku bahawa segala butiran yang tersebut di atas adalah benar.

Bertarikh : ..........................

..........................................
*Tandatangan Pemohon*

PERINGATAN :

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan-salinan sijil, testimonial, perakuan-perakuan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang diperakui sah untuk menyokong permohonannya.

---

BAGI KEGUNAAN JAWATANKUASA

| | |
|---|---|
| Tarikh diterima | : |
| Amaun Fi | : |
| No. Resit | : |
| Dicatatkan dalam Daftar Peguam Syarie pada | : |

Dibuat 17 November 2003
[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/525/907; PU. Pk. 70/2003]

..........................................
*Yang Dipertua*
*Majlis Agama Islam dan*
*'Adat Melayu Perak*

NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 69<br>Bil. 15 | **22hb Julai 2016** | *TAMBAHAN No. 9*<br>*PERUNDANGAN* |


**Pk. P.U. 21.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (PERAK) (PINDAAN) 2016

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
*Sultan Perak*

19 Julai 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*En. Pk. Bil. 4 tahun 2004*], Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Perak) (Pindaan) 2016**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta*.

**Pindaan kaedah 25**

**2.** Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Perak) 2003 [*Pk.P.U. 17 tahun 2003*], dipinda dalam kaedah 25 dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

> "(2) Jawatankuasa Rayuan hendaklah terdiri daripada tiga orang anggota yang dilantik oleh Majlis dari kalangan orang yang mempunyai kompeten dan pengalaman dalam hal undang-undang.".

Dibuat 6 Julai 2016
[JKSPk. 600-1/1/5; PU.Pk. 70/2003]

TAN SRI DATO' DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NORDIN
*Yang Dipertua*
*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (PERAK) ENACTMENT 2004

PEGUAM SYARIE (PERAK) (AMENDMENT) RULES 2016

I ASSENT,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
*Sultan of Perak*

19 July 2016

IN exercise of the powers conferred by subsection 69 (2) of the Administration of the Religion of Islam (Perak) Enactment 2004 [*En. Pk. No. 4 of 2004*], the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, with the consent of the Duli Yang Maha Mulia Sultan, makes the following rules:

**Citation and commencement**

**1.** (1) These rules may be cited as **the Peguam Syarie (Perak) (Amendment) Rules 2016**.

(2) These Rules comes into operation on the date of its publication in the *Gazette*.